

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)60**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

60. Walaupun terdapat tumpuan untuk meningkatkan pengetahuan kecerdasan buatan (AI) di peringkat menengah dan universiti serta mengiktiraf kepentingan penyelidikan AI melalui syarikat multinasional, namun usaha ini tidak mencukupi untuk memacu transformasi komprehensif bagi mewujudkan industri AI tempatan yang mampan. Apakah inisiatif / insentif kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem AI yang mampan di Pulau Pinang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

60. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik segala usaha dan inisiatif dalam menyokong era kemajuan teknologi terkini seperti digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI) yang mana mampu diguna pakai dalam hal-hal pentadbiran seperti penggubalan dasar dengan beberapa pendekatan strategik.

Antara inisiatif / insentif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan ekosistem AI yang mampan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan platform digital bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan menyediakan perkhidmatan yang lebih produktif dan efisien;
- (ii) Memberi tumpuan untuk memperkukuh infrastruktur digital di seluruh negeri, termasuk memperluaskan akses internet berkelajuan tinggi bagi memastikan teknologi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat;
- (iii) Penggunaan AI juga boleh diadaptasi dalam menganalisis data besar (Big Data Analytic) yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber, termasuk data ekonomi, sosial dan alam sekitar. Dengan menganalisis data tersebut, Kerajaan Negeri dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan berasaskan bukti;
- (iv) Bekerjasama dan melibatkan sektor swasta dan universiti tempatan dalam membangunkan penyelesaian teknologi

baharu yang dapat disesuaikan dengan keperluan semasa. Inisiatif seperti inkubator dan pusat penyelidikan di universiti boleh membantu dalam memperkenalkan teknologi baharu yang lebih relevan terhadap dasar yang digubal;

- (v) Menubuhkan *Penang GBS Industry Academy* (PGIA) iaitu usaha bersama antara InvestPenang, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dan Penang Skills Development Centre (PSDC). Akademi ini menawarkan peluang kepada bakat sedia ada untuk meningkatkan kemahiran dan dilatih semula bagi memberi nilai tambah yang diperlukan dalam bidang teknologi seperti sains data, pembangunan perisian, AI, keselamatan siber dan sebagainya;
  
- (vi) Menawarkan sebanyak 23 jenis latihan dan kursus khas berkaitan industri digital telah ditawarkan dan telah berjaya melatih seramai 524 bakat berkemahiran tinggi dalam bidang *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET); dan

- (vii) Menjalinkan kerjasama dengan institusi latihan serta institusi pengajian tinggi yang mana dilihat mampu mewujudkan industri AI tempatan yang mampan.

Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri amat memandang serius terhadap aspek pembangunan bakat berkemahiran tinggi terutamanya yang berkaitan teknologi AI kerana ia dijangka mampu memberikan impak yang besar dan signifikan dalam mempertingkatkan daya saing digital dan ekonomi negara khususnya Negeri Pulau Pinang, sekali gus menginovasikan landskap sosioekonomi secara keseluruhan.